

JAWAPAN

PELAJARAN
11

Ikhlas dalam Kehidupan

1. Amirul Mukminin Abu Hafs Umar bin Al-Khattab r.a. berkata, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya setiap amalan berdasarkan niat dan sesungguhnya bagi seseorang itu berdasarkan apa-apa yang diniatkannya. Sesiapa yang berhijrah kerana Allah SWT dan Rasulnya, maka hijrahnya itu kepada Allah dan Rasulnya (diterima dan diberi ganjaran), dan sesiapa yang berhijrah kerana tujuan keduniaan yang ingin diperolehnya, ia akan mendapatnya atau sesiapa yang berhijrah kerana wanita yang ingin dinikahinya, maka hijrahnya akan mendapat apa yang diniatkannya."
2. (a) Bahasa: Bersih dan suci daripada kotoran yang mencemarkan.
(b) Istilah: Semua amalan zahir dan batin yang dilakukan semata-mata mengharapkan keredaan Allah tanpa menyekutukannya dengan yang lain.
3. (a) Istiqamah melakukan kebaikan
(b) Sentiasa mengharapkan keredaan Allah
(c) Sentiasa bersabar dalam kesulitan
4. (a) Mendapat perlindungan Allah SWT
(b) Amal ibadat diterima Allah SWT
(c) Terhindar daripada hasutan syaitan
(d) Hidup menjadi tenang
5. (a) Kita hendaklah berniat kerana Allah dalam setiap amalan agar mendapat keredaan Allah

- (b) Kita hendaklah meyakini bahawa Allah akan memberikan ganjaran kepada hamba-Nya yang ikhlas
- (c) Kita hendaklah melakukan ibadat dengan niat yang ikhlas agar ibadat kita diterima Allah SWT

6. Aktiviti murid

POWER PT3

1. (a) (i) Istiqamah melakukan kebaikan
(ii) Tidak mengharapkan pujian manusia
(b) (i) Kita hendaklah melakukan ibadat dengan niat yang ikhlas agar ibadat diterima Allah SWT.
(ii) Kita hendaklah menjauhi sifat riyak agar amalan tidak sia-sia.
رِيَاءُ، عَمَلٌ، سِيَارَةٌ، فَهَالًا (c)

POWER KBAT

1. Amalan itu dikategorikan sebagai riyak kerana bertujuan untuk dipuji oleh orang lain menyebabkan amalannya tidak diterima oleh Allah seterusnya mudah dihasut syaitan. Oleh itu, kita hendaklah melakukan sesuatu amalan dengan ikhlas agar dirahmati Allah.
2. Saya akan melakukan amalan dengan niat kerana Allah SWT dan ketepikan sebarang niat buruk seperti ingin dipuji oleh orang ramai. Saya juga akan berdoa agar hati saya dipelihara daripada sifat riyak supaya amalan saya diterima dan hidup direndai Allah.
3. (a) Ikhlas
(b) Tidak ikhlas
(c) Tidak ikhlas
(d) Ikhlas